

Barisan enggan terima PBS

Oleh Lichong Angkui

B.H. = 2 MAY 1992

KOTA KINABAIJI, **Jumaat** — Barisan Nasional (BN) sudah menutup pintunya kepada **Parti Bersatu Sabah (PBS)** untuk menyertai semula **gabungan itu**, kata **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** hari ini.

"Sudah terlambat," kata **Perdana Menteri**. PBS diterima **menganggotai** BN selepas **memenangi** pilihanraya negeri pada 1985, tetapi **meninggalkannya** menjelang pengundian pilihanraya **Parlimen** pada Oktober 1990.

Katanya, tindakan PBS meninggalkan BN **menunjukkan** parti itu bukan berjuang untuk rakyat, sebaliknya **bagi kepentingan** diri orang tertentu saja.

Menurutnya, PBS juga terbukti tidak berprinsip apabila ia meninggalkan BN dan menyertai **pembangkang** pada pilihanraya Parlimen 1990 ketika **parti** komponen lain sibuk berkempen **menentang** pembangkang.

"Tetapi apabila **didapati** BN menang, dan mereka (PBS) **menjadi** kerajaan di Sabah, sekali lagi mereka **minta** masuk BN, jadi kita tidak dapat **timbang** orang yang semacam ini," katanya kepada pem-

berita selepas **merasmikan** perhimpunan agung pertama **Parti Liberal Demokratik (LDP)**, di **Sekolah Menengah (SM) Kian Kok**, Jalan Tuaran, di sini pagi ini.

Beliau menegaskan tidak **ada tempat** dalam BN bagi pemimpin yang tidak **ada** pendirian dan tidak **ada** komitmen.

Katanya, sikap dan tindakan PBS masih seperti **dulu**, tidak berpendirian dan tiada perubahan di segi **kesanggupan** bekerjasama dengan **parti** komponen BN lain.

"Kalau **ingin** menyertai BN, mereka mesti **mengubah** sikap supaya **sama** dengan BN, tetapi setakat yang kita tahu tidak **ada** perubahan **sama** **ada** secara langsung atau tidak langsung," katanya.

Sehubungan itu, beliau mencabar kerajaan PBS membubarkan **Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah** bagi membolehkan pilihanraya umum negeri diadakan.

Menurutnya, beliau tidak tahu bila pilihanraya negeri Sabah akan **diadakan**, tetapi **parti** komponen BN di negeri ini **sentiasa** bersedia **menghadapi**nya pada bila-bila masa.

Menjawab soalan lain,

Dr Mahathir yakin masyarakat Cina di Sabah akan menyokong **parti** komponen BN kerana mereka sudah **merasai** corak pemerintahan PBS sejak memerintah.

"Kalau dulu mereka tidak menyokong (**parti** komponen BN) kerana mereka belum **kenal** PBS. Sekarang PBS sudah memerintah sekian lama dan mereka sudah tahu **cara** pemerintahan PBS," katanya.

Mengenai kemungkinan timbul pergeseran di antara LDP dan MCA di Sabah kerana kedua-duanya berteraskan kaum Cina, Dr Mahathir berkata: "Ini masalah dalam keluarga dan boleh diselesaikan dalam keluarga, dan tidak **secara** terbuka."

Katanya, di Semenanjung juga **ada** parti Gerakan dan MCA yang **kedua-duanya** berteraskan kaum Cina, tetapi mereka saling bekerjasama dan tidak timbul sebarang masalah.

Beliau yakin masyarakat Cina di Sabah akan menyokong BN dalam pilihanraya akan datang melalui **parti** komponen BN seperti LDP, sebuah **parti** berbilang kaum yang diterajui oleh masyarakat Cina dan ditubuhkan pada 1989.